Sila baca Arahan & Langkah-Langkah Keselamatan dengan teliti sebelum menggunakan.

MW0113M
ME0113M

Ketuhar gelombang mikro

Buku panduan pemilik

bayangkan kemungkinannya

Terima kasih kerana membeli produk Samsung ini.
Sila daftar produk anda di

www.samsung.com/register

Planet First **100% Recycled Paper**

Manual ini dibuat dengan kertas kitar semula 100 %.

SAMSUNG

MW0113M-XSM-DE68-03752H-02_MS.indd 1 2011-10-06 12:32:09

KANDUNGAN

MENGGUNAKAN BUKU PANDUAN INI

Anda baru sahaja membeli ketuhar gelombang mikro SAMSUNG. Panduan Pemilik anda mengandungi maklumat yang berguna mengenai cara memasak menggunakan ketuhar gelombang mikro anda:

- Langkah-langkah keselamatan
- Aksesori dan perkakas memasak yang sesuai
- Petua memasak yang berguna
- Petua memasak

MAKLUMAT KESELAMATAN PENTING

ARAHAN KESELAMATAN PENTING
BACA DENGAN TELITI DAN SIMPAN UNTUK RUJUKAN PADA MASA HADAPAN.
Sebelum menggunakan ketuhar, pastikan arahan berikut diikuti.

- Gunakan alat ini hanya untuk tujuan yang dimaksudkan seperti yang diterangkan di dalam buku panduan ini. Amaran dan Arahan Keselamatan di dalam buku panduan ini tidak merangkumi semua keadaan dan situasi yang boleh berlaku. Anda bertanggungjawab untuk menggunakan akal, berwaspada dan berhati-hati semasa memasang, menyelenggarakan dan mengendalikan perkakas anda.
- Oleh kerana arahan pengendalian berikut meliputi pelbagai model, ciri ketuhar gelombang mikro anda mungkin berbeza sedikit daripada yang diterangkan di dalam manual ini dan bukan semua tanda-tanda amaran boleh digunakan. Jika anda mempunyai sebarang soalan atau keprihatinan, hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda atau dapatkan bantuan dan maklumat dalam talian di www.samsung.com.
- Ketuhar gelombang mikro ini seharusnya digunakan untuk memanaskan makanan. Ianya bertujuan untuk kegunaan rumah domestik sahaja. Jangan panaskan apa-apa jenis tekstil atau kusyen yang diisi dengan bijian, yang oleh menyebabkan melecur dan kebakaran. Pengilang tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk kerosakan yang disebabkan oleh penggunaan alat yang tidak sesuai atau tidak betul.
- Kegagalan mengekalkan ketuhar dalam keadaan yang bersih boleh mengakibatkan kerosakan pada permukaannya yang boleh memendekkan hayat alat ini dan mungkin mengakibatkan situasi yang berbahaya.

PETUNJUK UNTUK SIMBOL DAN IKON

 AMARAN	Bahaya atau amalan-amalan yang tidak selamat yang boleh menyebabkan **kecederaan diri yang teruk atau kematian**.
 AWAS	Bahaya atau amalan-amalan yang tidak selamat yang boleh menyebabkan kecederaan diri yang tidak serius atau kerosakan harta benda.

	Amaran; Bahaya kebakaran		Amaran; Permukaan panas
	Amaran; Elektrik		Amaran; Bahan mudah meletup
	JANGAN cuba.		Ikuti arahan sepenuhnya.
	JANGAN rungkas.		Cabut palam kuasa dari soket dinding.
	JANGAN sentuh.		Pastikan mesin dibumikan untuk mencegah kejutan elektrik.
	Hubungi pusat perkhidmatan bagi mendapatkan bantuan.		Nota
	Penting		

LANGKAH BERJAGA-JAGA UNTUK MENGELAKKAN KEMUNGKINAN PENDEDAHAN PADA TENAGA GELOMBANG MIKRO YANG MELAMPAU.

Kegagalan mematuhi langkah-langkah keselamatan berikut boleh mengakibatkan pendedahan kepada tenaga gelombang mikro yang memudaratkan.

(a) Dalam apa keadaan sekalipun, jangan sekali-kali cuba mengendalikan ketuhar dengan pintunya terbuka atau mengusik saling kunci keselamatan (selak pintu) atau memasukkan sesuatu benda ke dalam lubang saling kunci keselamatan.

(b) JANGAN letakkan sebarang objek di antara pintu ketuhar dengan muka depan atau membiarkan sisa makanan atau bahan pembersih terkumpul pada permukaan kedap. Pastikan pintu dan permukaan kedap pintu sentiasa bersih dengan mengelapnya selepas digunakan mula-mula dengan kain lembap dan kemudian dengan kain kering yang lembut.

(c) JANGAN kendalikan ketuhar jika ia rosak sehingga ia telah dibaiki oleh juruteknik servis gelombang mikro yang berkelayakan yang dilatih oleh pembuat. Adalah penting sekali pintu ketuhar ditutup dengan betul dan tiada kerosakan pada:

(1) Pintu (bengkok)

(2) Engsel pintu (pecah atau longgar)

(3) kedap pintu dan permukaan kedap

(d) Ketuhar tidak harus dilaras atau dibaiki oleh sesiapa pun kecuali juruteknik servis gelombang mikro yang berkelayakan dan dilatih oleh pembuat.

Produk ini ialah peralatan ISM Kelas B Kumpulan 2. Definisi kumpulan 2 yang mengandungi semua peralatan ISM di mana tenaga frekuensi radio dijana dengan sengaja dan/atau digunakan dalam bentuk sinaran elektromagnet bagi rawatan bahan, dan peralatan EDM dan kimpalan arka.
Peralatan Kelas B ialah peralatan yang sesuai untuk digunakan dalam perusahaan-perusahaan domestik dan dalam perusahaan-perusahaan yang bersambung terus pada rangkaian bekalan kuasa voltan rendah yang membekalkan bangunan-bangunan yang digunakan untuk tujuan-tujuan domestik.

ARAHAN KESELAMATAN PENTING

Pastikan langkah-langkah keselamatan ini dipatuhi sepanjang masa.

AMARAN	Bahaya kebakaran	Elektrik	Permukaan panas	Bahan mudah meletup
Hanya kakitangan berkelayakan patut dibenarkan untuk mengubahsuai atau memperbaiki ketuhar gelombang mikro.	✔	✔	✔	✔
Jangan panaskan cecair atau makanan lain dalam bekas yang dikedap.	✔	✔	✔	✔
Untuk keselamatan anda, jangan gunakan pembersih air tekanan tinggi atau pembersih jet wap.	✔	✔	✔	✔
Jangan pasang alat ini; berdekatan pemanas, bahan mudah terbakar, di lokasi yang lembap, berminyak dan berhabuk, di lokasi yang terdedah kepada sinaran cahaya matahari dan air atau di mana kebocoran gas boleh berlaku; atau tapak yang tidak rata.	✔	✔	✔	✔
Alat ini mesti dibumikan dengan betul menurut kod-kod tempatan dan antarabangsa.	✔	✔	✔	✔

MALAY

Hilangkan semua bahan-bahan asing seperti habuk atau air dari terminal-terminal palam kuasa dan titik sentuhan menggunakan kain kering dengan kerap.	✓	✓	✓	✓
Jangan tarik atau terlalu bengkokkan atau letakkan objek berat atas kord kuasa.	✓	✓	✓	✓
Sekiranya berlaku kebocoran gas (seperti gas propana, gas LP, dll), alih udara dengan segera tanpa menyentuh palam kuasa.	✓	✓	✓	✓
Jangan sentuh palam kuasa dengan tangan yang basah.	✓	✓	✓	✓
Jangan matikan alat ini dengan mencabut palam kuasa semasa ia sedang beroperasi.	✓	✓	✓	✓
Jangan masukkan jari atau benda asing. Jika sebarang benda asing seperti air memasuki alat ini, cabut palam kuasa dan hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.	✓	✓	✓	✓
Jangan kenakan tekanan atau hentaman berlebihan pada alat.	✓	✓	✓	✓
Jangan letakkan ketuhar ini di atas benda yang mudah pecah seperti singki atau benda kaca. (Model atas kaunter sahaja)	✓	✓		
Jangan gunakan benzena, pencair, alkohol, pembersih wap atau pembersih tekanan tinggi untuk membersihkan alat ini.	✓	✓	✓	✓
Pastikan bahawa voltan kuasa, frekuensi dan arus adalah sama seperti spesifikasi produk.	✓	✓		✓
Pasang palam kuasa pada soket dinding dengan kukuh. Jangan menggunakan penyesuai berbilang palam, kord pemanjang atau pengubah elektrik.	✓	✓	✓	
Jangan sangkutkan kord kuasa pada objek logam, masukkan kord kuasa di antara objek atau di belakang ketuhar.	✓	✓	✓	
Jangan gunakan palam kuasa yang rosak, kord kuasa yang rosak atau soket dinding yang longgar. Apabila palam kuasa atau kord kuasa rosak, hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.	✓	✓	✓	✓
Alat-alat tidak dimaksudkan untuk dikendalikan dengan menggunakan pemasa luaran atau sistem kawalan jauh berasingan.	✓	✓		

Jangan tuang atau sembur air pada ketuhar.	✓	✓		
Jangan letakkan objek atas ketuhar, di dalam atau di pintu ketuhar.	✓	✓	✓	
Jangan semburkan bahan meruap seperti ubat serangga pada permukaan ketuhar.	✓	✓		
Kanak-kanak harus diselia bagi memastikan mereka tidak bermain dengan alat ini	✓	✓	✓	✓
Alat ini tidak dimaksudkan untuk dipasang di dalam kenderaan jalan raya, karavan, dan kenderaan-kenderaan yang serupa dll.	✓	✓	✓	✓
Jangan simpan bahan-bahan mudah terbakar di dalam ketuhar. Berhati-hati semasa memanaskan masakan atau minuman yang mengandungi alkohol kerana wap alkohol boleh terkena bahagian ketuhar yang panas.	✓		✓	✓
Ketuhar gelombang mikro ini dimaksudkan untuk digunakan di atas kaunter atau atas kaunter sahaja; ketuhar gelombang mikro ini tidak harus diletakkan di atas kabinet.	✓	✓	✓	✓
AMARAN : Alat dan bahagian alat yang boleh dicapai menjadi panas semasa penggunaan. Berhati-hati agar tidak menyentuh elemen-elemen pemanas. Kanak-kanak berusia kurang daripada 8 tahun seharusnya dijauhkan melainkan sentiasa diselia.	✓	✓	✓	✓
AMARAN : Hanya benarkan kanak-kanak menggunakan ketuhar tanpa penyeliaan apabila arahan yang mencukupi telah diberikan supaya kanak-kanak tersebut boleh menggunakan ketuhar dengan cara yang selamat dan memahami bahaya penggunaan yang tidak betul.	✓	✓	✓	✓
Alat in boleh digunakan oleh kanak-kanak berusia 8 tahun ke atas dan orang-orang yang kekurangan keupayaan fizikal, deria atau mental atau kurang pengalaman dan pengetahuan jika mereka telah diselia atau diberi arahan mengenai penggunaan alat dengan cara yang selamat dan memahami bahaya yang terlibat. Kanak-kanak tidak seharusnya bermain dengan alat ini. Pembersihan dan penyelenggaraan pengguna tidak seharusnya dilakukan oleh kanak-kanak tanpa seliaan.	✓	✓	✓	✓
AMARAN : Jika pintu atau kedap pintu rosak, ketuhar tidak boleh dikendalikan sehingga ia telah dibaiki oleh orang yang cekap.	✓	✓	✓	✓

AMARAN : Adalah merbahaya bagi seseorang yang tidak cekap menjalankan sebarang servis atau operasi pembaikan yang melibatkan kerja menanggalkan penutup yang memberi perlindungan daripada pendedahan kepada tenaga gelombang mikro.	✓	✓	✓	✓
AMARAN : Pastikan alat ini dimatikan sebelum menggantikan lampu bagi mengelakkan kemungkinan kejutan elektrik.	✓	✓	✓	
AMARAN : Cecair dan makanan lain tidak boleh dipanaskan di dalam bekas yang dikedap kerana ia boleh meletup.	✓		✓	✓
AMARAN : Bahagian-bahagian yang boleh dicapai akan menjadi panas semasa digunakan. Untuk mengelakkan luka kebakaran, kanak-kanak kecil harus dijauhkan dari alat ini.	✓		✓	
AMARAN : Pemanasan minuman menggunakan gelombang mikro boleh menyebabkan pendidihan letusan lewat, oleh itu anda harus berhati-hati apabila mengendalikan bekas; Untuk mencegah situasi ini SENTIASA beri masa biar sekurang-kurangnya 20 saat selepas ketuhar dimatikan supaya suhu boleh menjadi sama rata. Kacau semasa memanaskan, jika perlu, dan SENTIASA kacau selepas memanaskan. Sekiranya kulit anda melecur, ikut arahan PERTOLONGAN CEMAS berikut: • Rendam bahagian yang melecur dalam air sejuk selama sekurang-kurangnya 10 minit. • Balut dengan pembalut yang bersih dan kering. • Jangan bubuh sebarang krim, minyak atau losen.	✓	✓	✓	✓
Semasa digunakan, alat ini menjadi panas. Berhati-hati agar tidak menyentuh elemen-elemen pemanas di dalam ketuhar.	✓		✓	✓
AMARAN : Kandungan botol makanan bayi dan balang makanan bayi harus dikacau atau digoncang dan suhunya diperiksa sebelum makanan dimakan, bagi mengelakkan luka terbakar;			✓	
Alat ini bukan untuk digunakan oleh orang-orang (termasuk kanak-kanak) yang mempunyai keupayaan fizikal, deria atau mental yang kurang, atau tidak berpengalaman dan berpengetahuan, kecuali mereka telah diberikan penyeliaan atau arahan tentang penggunaan alat ini oleh orang yang bertanggungjawab bagi keselamatan mereka.	✓	✓	✓	✓
Ketuhar ini mesti diletakkan mengadap arah dan ketinggian yang betul yang membenarkan capaian mudah pada rongga dan kawasan kawalan.	✓	✓	✓	✓
Sebelum menggunakan ketuhar anda buat kali pertama, ketuhar harus dikendalikan bersama air selama 10 minit dan kemudian baru digunakan.	✓	✓	✓	✓
Ketuhar gelombang mikro ini harus diletakkan di tempat yang sesuai supaya palamnya mudah dicapai. Jika ketuhar ini mengeluarkan bunyi bising, bau terbakar atau mengeluarkan asap , cabut palam kuasa dengan segera dan hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.	✓	✓	✓	✓
semasa keadaan pembersihan permukaan-permukaan alat ini mungkin menjadi lebih panas daripada biasa dan kanak-kanak harus dijauhkan dari alat ini (Model fungsi pembersihan sahaja)		✓	✓	
Tumpahan berlebihan mesti dihilangkan sebelum pembersihan dan perkakas yang dinyatakan dalam manual pembersihan boleh ditinggalkan di dalam ketuhar semasa pembersihan.(Model fungsi pembersihan sahaja)	✓	✓	✓	✓

⚠ AWAS				
Hanya gunakan perkakas yang sesuai untuk digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro; JANGAN gunakan sebarang bekas logam, Pinggan mangkuk makan malam dengan kemasan emas atau perak, Pencucuk, garpu, dll. Tanggalkan ikatan pintal dawai dari beg kertas atau plastik. Sebab: Pengarkaan atau pencucuhan elektrik boleh berlaku dan boleh merosakkan ketuhar.	✓		✓	✓
Apabila memanaskan makanan dalam bekas plastik atau kertas, perhatikan ketuhar untuk mengesan kemungkinan pencetusan bunga api;	✓		✓	
Jangan gunakan ketuhar gelombang mikro untuk mengeringkan kertas atau kain.	✓		✓	✓
Gunakan masa yang lebih singkat untuk makanan yang sedikit bagi mengelakkan pemanasan berlebihan dan menghanguskan makanan.	✓		✓	✓
Jika asap kelihatan, matikan atau cabut palam alat dan pastikan pintu ketuhar ditutup untuk mematikan api;	✓		✓	✓
Ketuhar harus dibersihkan dengan tetap dan sebarang cebisan makanan ditanggalkan;	✓	✓		✓


MALAY

	Jangan rendam kabel kuasa atau palam kuasa di dalam air dan jauhkan kabel kuasa dari haba.	✔	✔		
	Telur dalam kulitnya dan telur rebus tidak harus dipanaskan di dalam ketuhar gelombang mikro oleh kerana ia boleh meletup, walaupun setelah pemanasan gelombang mikro selesai; Selain itu, jangan panaskan botol kedap udara atau dikedap vakum, balang, bekas, kacang dalam kulit, tomato, dll.			✔	✔
	JANGAN tutup lubang-lubang alur pengalihan udara dengan kain atau kertas. Ia boleh terbakar semasa udara panas keluar dari ketuhar. Ketuhar juga boleh menjadi terlalu panas dan dimatikan secara automatik, dan akan kekal dimatikan sehingga ia telah sejuk secukupnya.	✔		✔	
	Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar apabila mengeluarkan bekas dari ketuhar untuk mengelakkan luka terbakar yang tidak disengajakan.			✔	
	Jangan sentuh elemen-elemen pemanas atau dinding dalaman ketuhar sehingga ketuhar telah sejuk.			✔	
	Kacau cecair separuh masa semasa memanas atau selepas pemanasan tamat dan biarkan cecair sekurang-sekurangnya 20 saat selepas pemanasan untuk mencegah didihan yang membuak-buak.			✔	
	Berdiri sejauh kira-kira dua kaki dari ketuhar apabila membuka pintunya untuk mengelakkan melecur disebabkan udara atau wap panas yang keluar.			✔	
	Jangan kendalikan ketuhar gelombang mikro semasa ia kosong. Ketuhar gelombang mikro akan dimatikan secara automatik selama 30 minit untuk tujuan keselamatan. Kami menyarankan meletakkan segelas air di dalam ketuhar sepanjang masa untuk menyerap gelombang mikro jika ketuhar gelombang mikro dihidupkan secara tidak sengaja.	✔			✔
	Jangan gunakan pembersih kasar yang kuat atau pengerik logam yang tajam untuk membersihkan kaca pintu ketuhar kerana ia boleh mencalarkan permukaannya, yang boleh mengakibatkan kaca itu pecah.	✔			✔
	Pasang ketuhar mengikut pelepasan yang dinyatakan dalam manual ini (lihat Memasang Ketuhar Gelombang Mikro Anda)	✔		✔	
	Berhati-hati semasa menyambung peralatan elektrik lain pada soket berhampiran ketuhar.	✔	✔	✔	


MEMASANG KETUHAR GELOMBANG MIKRO ANDA

Letakkan ketuhar di atas permukaan rata setinggi 85 sm dari lantai. Permukaan mesti kukuh bagi membolehkannya menampung berat ketuhar dengan selamat.

1. Apabila anda memasang ketuhar anda, pastikan ada pengalihan udara yang mencukupi dengan meninggalkan sekurang-kurangnya 10 sm (4 inci) ruang di belakang dan di tepi ketuhar, manakala 20 sm (8 inci) di atasnya.



2. Keluarkan semua bahan pembungkusan dari dalam ketuhar.
   Pasang gelang roda dan piring putar.
   Pastikan piring putar boleh berputar dengan mudah.



3. Ketuhar gelombang mikro ini harus diletakkan di tempat yang sesuai supaya palamnya mudah dicapai.


Jika kord bekalan rosak, ia mesti digantikan dengan kord atau pemasangan khas dari pengilang atau ejen perkhidmatannya. Demi keselamatan anda, pasangkan palam anda ke soket 3 pin, 240 Volt, 50 Hz, AU yang dibumikan. Jika kabel kuasa alat ini rosak, ia mesti digantikan dengan kabel khas.

Jangan pasang ketuhar gelombang mikro dalam persekitaran yang panas atau lembap seperti di sebelah penyinar atau ketuhar tradisional. Spesifikasi bekalan kuasa ketuhar mestilah dipatuhi dan sebarang kabel sambungan yang digunakan mestilah menggunakan piawai yang sama dengan kabel kuasa yang dibekalkan bersama ketuhar. Lap bahagian dalam dan pengadang pintu dengan kain yang lembap sebelum menggunakan ketuhar gelombang mikro anda buat pertama kali.

BAGAIMANA KETUHAR GELOMBANG MIKRO BERFUNGSI

Dasar Memasak

1. Gelombang mikro yang dijana magnetron diagihkan dengan seragam apabila makanan berputar di atas piring putar. Dengan itu, makanan dimasak sama rata.
2. Gelombang mikro diserap makanan sehingga kira-kira sedalam 1 inci (2,5 cm). Proses memasak berterusan apabila haba dilesapkan di dalam makanan.




3. Masa memasak berbeza mengikut bekas yang digunakan dan sifat makanan.
   - Kuantiti dan ketumpatan
   - Kandungan air
   - Suhu awal (disejukkan atau tidak)

Oleh kerana bahagian tengah makanan dimasak melalui pelesapan haba, proses memasak masih berterusan walaupun anda sudah mengeluarkan makanan dari ketuhar. Masa biar yang ditentukan dalam resepi dan dalam buku panduan ini hendaklah dipatuhi bagi memastikan:


- Kuantiti dan ketumpatan
- Kandungan air
- Suhu awal (disejukkan atau tidak)

MEMERIKSA BAHAGIAN KETUHAR


Buka bungkusan ketuhar gelombang mikro anda dan memeriksanya bagi memastikan anda mempunyai semua bahagian yang ditunjukkan di sini. Jika ada sebarang bahagian yang tiada atau pecah, hubungi wakil penjual anda.




Ketuhar gelombang mikro



Pengganding



Gelang pandu roda



Piring putar

MAKLUMAT PERKHIDMATAN DAN JAMINAN

Apabila menghubungi Samsung, sila berikan maklumat model tersebut dan nombor siri yang biasanya terletak di belakang atau di bawah produk. Sila catatkan nombor di bawah ini, berserta maklumat lain yang diminta. Simpan maklumat ini di tempat yang selamat sebagai rekod kekal pembelian anda bagi membantu pengenalan sekiranya berlaku kecurian atau kehilangan, dan juga satu salinan resit jualan anda sebagai bukti penjualan jika khidmat jaminan diperlukan.

NOMBOR MODEL ____________________

NOMBOR SIRI ____________________

TARIKH PEMBELIAN ____________________


DIBELI DARIPADA ____________________

Khidmat jaminan hanya boleh dilakukan oleh Pusat Perkhidmatan Berdaftar Samsung. Jika anda memerlukan khidmat jaminan, berikan maklumat di atas bersama-sama salinan resit jualan anda kepada Pusat Perkhidmatan Berdaftar Samsung.

MALAY

MENYEDIAKAN KETUHAR GELOMBANG MIKRO ANDA


1. Letakkan oven di atas permukaan rata dan kukuh, kemudian pasangkan palam di soket berbumi. Sebaik dipasang, paparan di ketuhar anda akan menunjukkan:
Pastikan ada pengudaraan yang mencukupi dengan meninggalkan sekurang-kurangnya empat inci ruang di belakang, atas, dan tepi ketuhar.




2. Buka pintu ketuhar dengan menarik pemegangnya.

3. Lap bahagian dalam ketuhar dengan kain lembap.

4. Letakkan gelang yang sudah dipasang di dalam lekuk di tengah ketuhar.




5. Letakkan dulang kaca di atas gelang supaya tiga tab di tengah dulang sepadan dengan tab di lantai ketuhar.



MALAY

PANEL KAWALAN



1. Jam
2. Butang Penderia Masak
3. Menu Auto Masak
4. Butang Nombor
5. Butang Aras Kuasa
6. Butang Henti sebentar/Batal
7. Butang +30 Saat
8. Butang Bunyi
9. Butang Auto Memanas Semula
10. Butang Auto Mencair beku
11. Lebih/Kurang
12. Butang Pemasa Dapur
13. Butang Mula

MENETAPKAN JAM

Apabila ada bekalan elektrik, “12:00” dipaparkan secara automatik di paparan. Sila tetapkan masa.

1. Tekan butang **Clock (Jam)** (时钟).
2. Gunakan butang nombor untuk memasukkan masa. Anda mesti menekan sekurang-kurangnya tiga nombor untuk menetapkan jam. Jika ketika itu pukul 5:00 masukkan, 5,0,0.
3. Selepas 5 saat, penunjuk “ENTER” (MASUKKAN) berkelip dan “Cloc” (Jam) akan dipaparkan.
4. Tekan **Clock (Jam)** (时钟) sekali lagi. Tanda titik bertindih akan berkelip, menandakan masa sudah ditetapkan.

Jika berlaku gangguan bekalan elektrik, anda perlu menetapkan semula jam. Anda boleh melihat masa semasa proses memasak dengan menekan butang **Clock (Jam)** (时钟).

MENGGUNAKAN BUTANG HENTI SEBENTAR/BATAL

Butang **Pause/Cancel (Henti sebentar/Batal)** (暂停/取消) membolehkan anda memadam arahan yang anda sudah masukkan. Ia juga membolehkan anda menghentikan sebentar kitaran memasak ketuhar, supaya anda boleh memeriksa makanan yang dimasak.

- Untuk menghentikan sebentar ketuhar semasa memasak: tekan **Pause/Cancel (Henti sebentar/Batal)** (暂停/取消) sekali.
  Untuk memulakan semula, tekan **Start (Mula)** (开始).
- Untuk menghentikan proses memasak, padam arahan, dan kembalikan paparan ketuhar kepada masa: tekan **Pause/Cancel (Henti sebentar/Batal)** (暂停/取消) dua kali.
- Untuk membetulkan kesilapan yang anda sudah masukkan: tekan **Pause/ Cancel (Henti sebentar/Batal)** (暂停/取消) sekali, kemudian masukkan semula arahan.

MENGGUNAKAN BUTANG +30 SAAT

Butang ini memudahkan cara memanaskan makanan dalam penambahan 30 saat pada aras kuasa Tinggi.

1. Tekan butang **+30 Sec (+30 Saat)** +30 秒 sekali bagi setiap 30 saat yang hendak ditambah.

   Tambah minit ke program yang sedang berlangsung dengan menekan butang **+30 Sec (+30 Saat)** (+30 秒) bagi setiap minit yang anda hendak tambah.

2. Tekan butang **Start (Mula)** (开始).

MENGGUNAKAN BUTANG PENDERIA MASAK

Dengan mengesan wap yang keluar semasa makanan dipanaskan, ciri ini secara automatik menetapkan masa pemanasan bagi pelbagai jenis dan jumlah makanan yang sudah dimasak. Semua makanan mesti sudah dimasak dan berada pada suhu peti sejuk.

1. Tekan butang **Sensor Cook (Penderia Masak)** (自动感应煮食) mengikut jenis makanan yang anda masak.
2. Tekan butang **Start (Mula)** (开始) (**Popcorn (Bertih Jagung)**, 爆米花 sebagai contohnya). Paparan menunjukkan “ ” dan ketuhar gelombang mikro anda akan mula memasak.
   Apabila memasak bertih jagung, tunggu sekurang-kurangnya lima minit antara setiap bag bagi mengelakkan dulang kaca menjadi terlampau panas. Jika anda ingin melihat masa semasa proses memasak, tekan butang **Clock (Jam)** (时钟).

PANDUAN PENDERIA MASAK

Ikut arahan di bawah apabila memasak pelbagai jenis makanan menggunakan penderia.

Makanan	Jumlah
Bertih Jagung	85 g-100 g / 1 bungkus
	Prosedur
	Gunakan hanya satu beg bertih jagung gelombang mikro pada satu-satu masa. Berhati-hati ketika mengeluarkan beg panas dari ketuhar. Biarkan ketuhar sejuk sekurang-kurangnya 5 minit sebelum menggunakannya sekali lagi.
Kentang bakar	1 hingga 6 setiap satu.
	Prosedur
	Cucuk setiap biji kentang beberapa kali dengan garpu. Letakkan di atas piring putar dengan melonggokkannya bersama. Biarkan selama 3-5 minit. Biarkan ketuhar sejuk sekurang-kurangnya 5 minit sebelum menggunakannya sekali lagi.
Sayur-sayuran segar	1 hingga 4 cawan
	Prosedur
	Letakkan sayur-sayuran segar ke dalam bekas selamat gelombang mikro dan tambahkan 2 sudu besar air. Tutup dengan penutup atau pembalut plastik selamat gelombang mikro. (Menggunakan penutup kaca memberikan hasil terbaik.) Jika menggunakan pembalut plastik pastikan anda membiarkan bukaan kecil berdekatan pinggir bekas bagi pengalihudaraan. Keluarkan sayur-sayuran dari ketuhar, biarkan tertutup selama 2 minit, kacau dan hidangkan. Biarkan ketuhar sejuk sekurang-kurangnya 5 minit sebelum menggunakannya sekali lagi.

MALAY

MENGGUNAKAN BUTANG MASAK SEGERA

1. Tekan butang **Instant Cook (Masak Segera)** (快速煮食) yang sepadan dengan makanan yang anda masak (**Beverage (Minuman)**, misalnya). Paparan menunjukkan saiz hidangan pertama. ("ENTER" (MASUKKAN) dan "QTY" (KUANTITI) akan berkelip):
2. Tekan butang berulang kali untuk memilih saiz hidangan yang anda mahu. Paparan ini akan mengitar menerusi semua saiz hidangan yang ada.
3. Tekan butang **Start (Mula)** (开始) untuk mula memasak.

Apabila masa memasak selesai, ketuhar akan berbunyi bip. Ketuhar akan berbunyi bip setiap minit.

Kod	Item	Berat
A-1	Memanas Semula Piza	1 keping / 2 keping / 3 keping / 4 keping
	Komen	
	Letakkan piza di atas pinggan selamat gelombang mikro dengan meletakkan hujung piza yang lebar di pinggir luar pinggan. Jangan biarkan kepingan piza bertindih. Jangan tutup. Sebelum menghidang, biarkan selama 1-2 minit.	
A-2	Minuman	½ cawan / 1 cawan / 2 cawan
	Komen	
	Gunakan cawan penyukat atau koleh; jangan tutup. Letakkan minuman di dalam ketuhar. Selepas memanaskan, kacau rata.	

MENGGUNAKAN BUTANG NASI/PASTA

1. Tekan butang **Rice/Pasta (Nasi/Pasta)** (饭/ 意大利面) yang sepadan dengan makanan yang anda masak. Paparan menunjukkan "A-1"(kod item).

Tekan butang **Rice/Pasta (Nasi/Pasta)** (饭/ 意大利面) berulang kali untuk memilih item yang anda mahu.
(Rujuk kepada **Carta** 饭/ 意大利面 **Nasi/Pasta** di bawah)

2. Tekan butang **Number (Nombor) 1** atau **2**, **3** untuk memilih saiz hidangan yang anda mahu.
(Rujuk kepada **Carta** 饭/ 意大利面 **Nasi/Pasta** di bawah untuk hidangan)
3. Tekan butang **Start (Mula)** (开始) untuk mula memasak.

Carta Nasi/Pasta

Kod	Item	Berat	Suhu awal
A-1	Beras putih	1-2 hidangan	Beras : Bilik / Air: Bilik
	Komen		
	Cuci beras dengan air sejuk sehingga air beras menjadi jernih. Letakkan beras dan air di dalam pemasak beras selamat gelombang mikro atau bekas Pyrex kaca bulat dengan penutup dan selepas memasak biarkannya tanpa membuka penutup. Biarkan nasi selama 3-5 minit dan kacau untuk mengasingkan butir-butir nasi.		
A-2	Pasta kering	1-2 hidangan	Air: 60 °C aip paip
	Komen		
	Letakkan pasta kering ke dalam pemasak nasi selamat gelombang mikro atau bekas bulat atau mangkuk Pyrex Kaca dengan mematahkan pasta jika perlu – tanpa penutup dan masak tidak bertutup. Selepas memasak, tutup dan biarkan selama 2-5 minit. Kacau dan hidangkan.		

A-1:

	1 Hidangan	2 Hidangan
Beras	100 g	200 g
Air	250 ml	375 ml

A-2:

	1 Hidangan	2 Hidangan
Pasta	100 g	200 g
Air	3 cawan	5 cawan

Kod	Item	Berat	Suhu awal
A-3	Pasta sejuk beku	1-2 hidangan	Air: 60 °C aip paip

Komen

Letakkan pasta sejuk beku ke dalam pemasak nasi selamat gelombang mikro atau bekas bulat atau mangkuk Kaca Pyrex tanpa penutup dan masak tidak bertutup.

Selepas memasak, tutup dan biarkan selama 2-5 minit. Kacau dan hidangkan.

	1 Hidangan	2 Hidangan
Pasta	125 g	250 g
Air	3 cawan	5 cawan

Kod	Item	Berat	Suhu awal
A-4	Pasta segar	1-2 hidangan	Air: 60 °C aip paip

Komen

Letakkan pasta segar ke dalam pemasak nasi selamat gelombang mikro atau bekas bulat atau mangkuk Kaca Pyrex tanpa penutup dan masak tidak bertutup.

Selepas memasak, tutup dan biarkan selama 2-5 minit. Kacau dan hidangkan.

	1 Hidangan	2 Hidangan
Pasta	125 g	250 g
Air	3 cawan	5 cawan

Kod	Item	Berat	Suhu awal
A-5	Spageti	1-2 hidangan	Air: 60 °C aip paip

Komen

Letakkan spageti kering ke dalam pemasak nasi selamat gelombang nikro atau bekas atau mangkuk Pyrex Kaca dengan mematahkan pasta jika perlu – tanpa penutup dan masak tidak bertutup. Selepas memasak, tutup dan biarkan selama 2-5 minit. Kacau dan hidangkan.

	1 Hidangan	2 Hidangan
Spageti	100 g	200 g
Air	3 cawan	5 cawan

Kod	Item	Berat	Suhu awal
A-6	Mi 2 minit	1-3 hidangan	Air: Memasak air

Komen

Patahkan kepingan mi dan letakkan ke dalam mangkuk besar selamat gelombang mikro. Tuang air mendidih ke atas mi dan masak tidak bertutup. Selepas ketuhar berbunyi bip pada separuh masa memasak, kacau rata dan tekan mula untuk meneruskan. Selepas memasak, biarkan selama 2 minit. Kacau dan hidangkan.

	1 Hidangan	2 Hidangan	3 Hidangan
Mi	1 bungkus	2 bungkus	3 bungkus
Air	500 ml	1000 ml	1500 ml

Kod	Item	Berat	Suhu awal
A-7	Bubur	1-2 hidangan	Bubur oat: Bilik Air & Susu: Sejuk

Komen

Letakkan bubur oat kering dan air atau susu ke dalam mangkuk selamat gelombang mikro dan masak tidak bertutup. Selepas ketuhar berbunyi bip, kacau oat dengan rata dan tekan mula untuk meneruskan. Selepas memasak, kacau rata dan taburkan gula perang atau madu di atasnya.

	1 Hidangan	2 Hidangan
Oat	35 g	70 g
Air & Susu	150 ml	300 ml

MALAY

MENGGUNAKAN BUTANG DAGING

1. Tekan butang **Meat/Fish (Daging/Ikan)** (肉类) yang sepadan dengan makanan yang anda masak. Paparan menunjukkan “A-1” (kod item).

   Tekan butang **Meat (Daging)** (肉类) berulang kali untuk memilih item yang anda mahu. (Rujuk kepada **Carta 肉类 Daging** di bawah)

2. Tekan butang **Number (Nombor) 1** atau **2**, **3** untuk memilih saiz hidangan yang anda mahu. (Rujuk kepada **Carta 肉类 Daging** di bawah untuk hidangan)
3. Tekan butang **Start (Mula)** (开始) untuk mula memasak.

Carta Daging

Kod	Item	Berat	Suhu awal
A-1	Kepak ayam	4-5 kpg / 8-10 kpg	Disejukkan
	Komen		
	Letakkan kepak di sekeliling pinggan, mengikut cita rasa. Tutup dengan kertas lilin.		
A-2	Naget ayam	4 kpg / 8 kpg	Disejukkan
	Komen		
	Letakkan kertas di atas pinggan dan atur naget mengikut cita rasa di atas tuala kertas. Jangan tutup. Biarkan selama 1 minit.		
A-3	Kaserol	1 bekas	Disejukkan
	Komen		
	Bahan-bahan untuk kaserol. 2 lobak sederhana (85 g ke 110 g sebelum dikupas), 2 bawang sederhana (110 g ke 140 g sebelum dikupas), 2 kentang sederhana (165 g ke 195 g sebelum dikupas), 450 g daging lembu bahu kisar, ½ sudu teh garam, ¼ cawan air, 1/8 sudu teh lada putih. Kupas dan hiris sayur menjadi kepingan 1/8 inci tebalnya. Bentukkan daging lembu menjadi 12 patti leper yang kecil menggunakan Gelang Loyang Reynolds 2 inci. Leperkan patti. Di dalam kaserol 2 kuart, lapiskan separuh patti daging lembu, separuh lobak merah, separuh bawang, dan separuh kentang. Taburkan dengan garam dan lada putih. Ulang lapisan, dengan memastikan lapisan atas patti daging lembu tertutup sepenuhnya dengan sayur-sayuran. Tambahkan air. Tekan lapisan ke dalam kaserol. Tutup. Selepas memasak biarkan kaserol selama 5 minit. Hidangkan.		
A-4	Dendeng babi	100-125 g / 200-225 g / 300-325 g	Disejukkan
	Komen		
	Pilih hirisan dendeng babi segar daripada penjual daging, deli atau pasar raya anda. Letakkan pada tuala kertas penyerap di atas pinggan selamat gelombang mikro atau bekas Pyrex dan tutup dengan sehelai lagi tuala kertas dan masak. Hidangkan.		
A-5	Bebola daging	1 bekas	Disejukkan
	Komen		
	Bahan-bahan bagi bebola daging. 450 g daging lembu kisar, ¼ cawan bawang dicencang, 1 biji telur dipukul, 1 sudu teh garam, ¼ sudu teh lada dan 2 sudu besar air. Campurkan semua bahan dan gaul dengan rata. Bentukkan menjadi bebola daging 20 x (25 mm). Letakkan bebola daging ke dalam bekas. Tutup dengan pembalut plastik lekap gelombang mikro dengan melipatkan ke belakang satu sudut sekitar 50 mm untuk pengalihudaraan. Masak. Selepas memasak, biarkan bebola daging selama 5 minit. Hidangkan.		
A-6	Lof Daging	1 bekas	Disejukkan
	Komen		
	Bahan-bahan bagi lof daging. 675 g daging lembu bahu kisar, ½ cawan peroi roti kering halus, ¼ cawan bawang besar dicencang, ½ cawan lada benggala dicencang, 1 cawan susu, 1 biji telur, 2 sudu besar sos tomato, ¼ sudu teh lada putih, ¼ sudu teh garam. Campurkan semua bahan: gaul rata. Mampatkan campuran daging ke dalam bekas lof: ratakan atasnya. Tutup dengan pembalut plastik, lipat ke belakang satu sudut sekitar 2 inci untuk pengalihudaraan. Letakkan ke dalam ketuhar selari dengan bahagian depan ketuhar. Selepas memasak kaserol biarkan selama 5 minit. Hidangkan.		
A-7	Telur dadar	1 bekas	Disejukkan
	Komen		
	Bahan-bahan untuk telur dadar. 3 biji telur saiz sederhana, 1 tomato, 30 g ham dicencang, 2 sudu besar susu, herba & rempah. Kacau telur, tambah ham, 2 sudu besar susu, herba dan rempah. Tomato dipotong dadu ditambah ke dalam campuran bersama 50 g keju parut. Selepas ketuhar berbunyi bip, kacau oat dengan rata dan tekan mula untuk meneruskan. Selepas memasak biarkan selama 2 minit. Hidangkan.		

MENCAIR BEKU SECARA AUTOMATIK

Untuk mencairkan makanan sejuk beku, tetapkan berat makanan,dan secara automatik ketuhar gelombang mikro menetapkan masa mencair beku, aras kuasa dan masa biar.

1. Tekan butang **Auto Defrost (Auto Mencair beku)** (自动解冻).
   Paparan menunjukkan "1". ("ENTER" (MASUK) dan "kg" akan menyala).
2. Untuk menetapkan jenis makanan anda, tekan butang **Auto Defrost (Auto Mencair beku)** (自动解冻) berulang kali. Anda juga boleh menggunakan butang nombor untuk memasukkan terus berat makanan.

Anda boleh menetapkan sehingga berat 2 kg (kecuali roti).

3. Tekan butang **Start (Mula)** (开始). Paparan akan menunjukkan masa memasak semasa mencair beku. Ketuhar akan berbunyi bip untuk memberitahu anda masa untuk membalikkan makanan.
4. Buka pintu ketuhar, dan balikkan makanan.
5. Tekan butang **Start (Mula)** (开始) untuk meneruskan mencair beku.

Lihat halaman 20 untuk Panduan auto mencair beku (自动解冻).

MEMANAS SEMULA SECARA AUTOMATIK

Untuk memanaskan semula makanan, pilih jenis hidangan dan bilangan hidangan yang anda mahu panaskan semula, dan ketuhar gelombang mikro akan menetapkan masa memanas semula secara automatik.

1. Tekan butang **Auto Reheat (Auto Memanas Semula)** (自动加热) berulang kali untuk memilih jenis makanan yang anda ingin panaskan semula. Saiz hidangan permulaan bagi setiap makanan adalah satu hidangan.

Anda boleh memilih sehingga empat cawan bagi pemanasan semula kaserol dan pasta, dan juga nasi dalam tin. Hanya satu hidangan tersedia untuk sepinggan makanan.
Paparan menunjukkan jenis makanan dan kuantiti yang anda pilih.

2. Gunakan butang nombor untuk menambah saiz hidangan. **Misalnya, untuk tiga hidangan, tekan 3 butang (Rujuk kepada Carta Auto Memanas Semula 自动加热 di bawah untuk hidangan).** Paparan akan menunjukkan bilangan hidangan yang anda pilih:
3. Tekan butang **Start (Mula)** (开始). Paparan akan menunjukkan Masa Memasak.

CARTA AUTO MEMANAS SEMULA

Item	Kod	Berat	Komen
Sepinggan makanan	rH-1	1 hidangan	Gunakan hanya makanan yang sudah dimasak dan disejukkan. Tutup pinggan dengan pembalut plastik atau kertas lilin yang dilubangkan untuk pengalihudaraan. Kandungan - 85-110 g daging, ayam itik atau ikan (sehingga 170 g termasuk tulang) - ½ cawan kanji (kentang, pasta, beras, dll.) - ½ cawan sayur-sayuran (lebih kurang 85-110 g)
Kaserol	rH-2	*1-4 Cawan	Gunakan hanya makanan yang disejukkan. Tutup dengan penutup atau pembalut plastik yang dilubangkan. Kacau makanan sama rata sebelum menghidangkannya.
Pasta	rH-3		
Beras	rH-4		
Sup di dalam tin	rH-5		

* 1 cawan = 1 hidangan

MALAY

MENETAPKAN MASA MEMASAK & ARAS KUASA

Ketuhar gelombang mikro anda membolehkan anda menetapkan dua peringkat masakan yang berbeza, setiap satu dengan tempoh masa dan aras kuasanya sendiri. Butang **Power Level (Aras Kuasa)** (度数程度) membolehkan anda mengawal keamatan pemanasan daripada Hangat (1) kepada Tinggi (0).

PROSES MEMASAK SATU PERINGKAT

Untuk proses memasak satu peringkat yang mudah, anda hanya perlu menetapkan masa memasak. Aras kuasa ditetapkan ke Tinggi secara automatik. Jika anda mahu menetapkan kuasa ke aras lain, anda mesti menetapkannya menggunakan butang **Power Level (Aras Kuasa)** (度数程度) .

1. Gunakan butang nombor untuk memasukkan masa memasak. Anda boleh menetapkan masa dari satu saat hingga 99 minit, 99 saat. Untuk menetapkan masa lebih dari satu minit, masukkan saat juga.
   Misalnya, untuk menetapkan 20 minit, masukkan 2, 0, 0, 0.
2. Jika anda mahu menetapkan aras kuasa ke aras lain selain Tinggi, tekan butang **Power Level (Aras Kuasa)** (度数程度) , kemudian gunakan butang nombor untuk memasukkan aras kuasa.

Aras Kuasa

1 = PL:10	(Hangat)	6 = PL:60	(Mereneh)
2 = PL:20	(Rendah)	7 = PL:70	(Sederhana tinggi)
3 = PL:30	(Mencair beku)	8 = PL:80	(Memanas semula)
4 = PL:40	(Sederhana rendah)	9 = PL:90	(Sauté)
5 = PL:50	(Sederhana)	0 = PL:Hi	(Tinggi)

3. Tekan butang **Start (Mula)** (开始) untuk mula memasak. Jika anda mahu menukar aras kuasa, tekan **Pause/Cancel (Henti sebentar/Batal)** (暂停/取消) sebelum anda menekan **Start (Mula)**, (开始) dan memasukkan semula semua arahan.

Sesetengah resipi memerlukan peringkat masakan yang berbeza pada suhu yang berbeza. Anda boleh menetapkan pelbagai peringkat masakan dengan ketuhar gelombang mikro anda.

PROSES MEMASAK BERBILANG PERINGKAT

1. Ikut langkah 1 dan 2 dalam bahagian “Proses Memasak Satu Peringkat” di halaman sebelumnya.

Apabila memasukkan lebih daripada satu peringkat masakan, butang **Power Level (Aras Kuasa)** (度数程度) mesti ditekan sebelum peringkat masakan kedua boleh dimasukkan.
Untuk menetapkan aras kuasa pada Tinggi bagi sesuatu peringkat masakan, tekan butang **Power Level (Aras Kuasa)** (度数程度) dua kali.

2. Gunakan butang nombor untuk menetapkan masa memasak kedua.
3. Tekan butang **Power Level (Aras Kuasa)** (度数程度) , kemudian gunakan butang nombor untuk menetapkan peringkat masakan kedua.
4. Tekan **Start (Mula)** (开始) untuk mula memasak.

Anda boleh melihat Aras Kuasa semasa proses memasak dengan menekan butang **Power Level (Aras Kuasa)** (度数程度) .

MOD DEMONSTRASI

Anda boleh menggunakan Mod demonstrasi untuk melihat bagaimana ketuhar gelombang mikro anda beroperasi tanpa pemanasan ketuhar.

1. Tekan lama butang **0** dan kemudian tekan butang **1**.
   Bagi mematikan mod demo, ulang langkah 1 di atas.

MENGGUNAKAN BUTANG LEBIH/KURANG

Butang **More/Less (Lebih/Kurang)** (增多/减少) membolehkan anda menetapkan masa memasak terlebih dahulu. Ia hanya berfungsi untuk mod **Rice/Pasta (Nasi/Pasta)** (饭/意大利面)**, Meat (Daging)** (肉类)**, Instant Cook (Masak Segera)** (快速煮食)**, Auto Reheat (Auto Memanas semula)** (自动加热), **Pizza Reheat (Memanas semula Piza), Beverage (Minuman)** atau **Time Cook (Masa Memasak), Kitchen Time (Masa Dapur)** (厨房定时器).
Gunakan butang **More/Less (Lebih/Kurang)** (增多/减少) hanya selepas anda mula memasak menggunakan salah satu prosedur ini.
Ciri **More/Less (Lebih/Kurang)** (增多/减少) tidak boleh digunakan dengan butang **Sensor Cook (Penderia Masak** (自动感应煮食).
Kekunci **More/Less (Lebih/Kurang)** (增多/减少) tidak boleh digunakan dengan kekunci **Auto defrost (Auto Mencair beku)** (自动解冻).

1. Untuk MENAMBAH masa prosedur memasak automatik: Tekan butang **More (Lebih)** (增多) (9).
2. Untuk MENGURANGKAN masa prosedur memasak automatik:
Tekan butang **Less (Kurang)** (减少) (1).

Jika anda mahu menambah/mengurangkan mod **Time Cook (Masa Memasak), Kitchen Time (Masa Dapur)** (厨房定时器) selama 10 saat, tekan butang **More (Lebih)** (增多) **(9)** atau **Less (Kurang)** (减少) **(1)**.

MENGHIDUPKAN/MEMATIKAN PEMBUNYI BIP

Anda boleh mematikan pembunyi bip bila-bila sahaja anda mahu.

1. Tekan butang **Sound (Bunyi)** (声音). Paparan menunjukkan "ON" (HIDUP).
("START" (MULA) akan menyala).
2. Tekan butang **Sound (Bunyi)** (声音) untuk mematikan suara. Paparan menunjukkan: "OFF" (MATI). ("START" (MULA) akan menyala)
3. Tekan **Start (Mula)** (开始). Paparan kembali menunjukkan masa.

MENGGUNAKAN PEMASA DAPUR

1. Tekan butang **Kitchen Timer (Pemasa Dapur)** (厨房定时器).
2. Gunakan butang **Number (Nombor)** untuk menetapkan tempoh masa anda mahu pemasa berjalan.
3. Tekan **Start (Mula)** (开始) untuk memulakan Pemasa Dapur.
4. Paparan mengira dan berbunyi bip apabila masa habis.

Ketuhar gelombang mikro ini tidak dihidupkan apabila Pemasa dapur digunakan.

MENETAPKAN KUNCI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

Anda boleh mengunci ketuhar gelombang mikro anda supaya kanak-kanak tidak boleh menggunakannya tanpa penyeliaan.

1. Tekan lama butang "**0**" dan kemudian tekan butang "**2**".
Paparan menunjukkan "Loc" (Kunci).

Pada masa ini, ketuhar gelombang mikro tidak boleh digunakan sehingga kuncinya dibuka. Untuk membuka kuncinya, ulang langkah 1 di atas.

MALAY

PERKAKAS MEMASAK

Penggunaan yang disyorkan

- **Mangkuk dan bekas kaca seramik** - Gunakan untuk memanaskan atau memasak.
- **Bekas pemerang selamat gelombang mikro** - Digunakan untuk pemerangan bahagian luaran item kecil seperti stik, potongan daging tebal, atau lempeng. Ikut arahan yang diberikan dengan bekas pemerang.
- **Pembalut plastik selamat gelombang mikro** - Digunakan untuk menahan wap. Buatkan satu bukaan kecil supaya sedikit wap dapat keluar dan elakkan daripada meletakkannya terus di atas makanan.
- **Kertas lilin** - Digunakan sebagai penutup bagi mencegah percikan.
- **Tuala kertas dan dan napkin** - Digunakan untuk penutup dan pemanasan sekejap; ia menyerap lembapan lebihan dan mencegah percikan. Jangan gunakan tuala kertas yang dikitar semula, yang mungkin mengandungi logam dan mudah terbakar.
- **Pinggan dan cawan kertas** - Digunakan untuk pemanasan sekejap pada suhu rendah. Jangan gunakan kertas yang dikitar semula, yang mungkin mengandungi logam dan mudah terbakar.
- **Termometer** - Gunakan hanya yang dilabel dengan “Selamat Gelombang Mikro” dan ikut semua arahan. Periksa makanan di beberapa tempat. Termometer konvensional boleh digunakan setelah makanan dikeluarkan dari ketuhar.

Penggunaan terhad

- **Kerajang aluminum** - Gunakan kepingan kerajang tidak lebar bagi mencegah bahagian yang terdedah daripada terlampau masak. Menggunakan terlalu banyak kerajang boleh merosakkan ketuhar anda, jadi sila berhati-hati.
- **Seramik, tembikar, dan tembikar batu** - Gunakannya jika ia “Selamat Gelombang Mikro”. Jika ia tidak dilabel, ujinya bagi memastikan ia boleh digunakan dengan selamat. Jangan sekali-kali gunakan bekas dengan kemasan logam.
- **Plastik** - Digunakan hanya jika ia “Selamat Gelombang Mikro”. Plastik lain boleh cair.
- **Jerami, anyaman, dan kayu** - Digunakan hanya untuk pemanasan sekejap kerana ia mudah terbakar.


Tidak disyorkan

- **Balang dan botol kaca** - Kaca biasa terlalu nipis untuk digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro, dan boleh pecah.
- **Beg kertas** - Ia boleh terbakar, kecuali beg bertih jagung yang direka khas untuk penggunaan gelombang mikro.
- **Pinggan dan cawan styrofoam** - Ia boleh cair dan meninggalkan sisa tidak sihat pada makanan.
- **Bekas makanan dan simpanan plastik** - Bekas-bekas seperti tab marjerin boleh cair di dalam ketuhar gelombang mikro.
- **Perkakas logam** - Ia boleh merosakkan ketuhar anda. Keluarkan semua logam sebelum memasak.

Menguji perkakas

Jika anda tidak pasti sama ada bekas selamat gelombang mikro atau tidak, anda boleh melakukan ujian ini:

1. Isi 1 cawan air dalam cawan kaca penyukat dan letakkannya di dalam ketuhar anda, di sebelah bekas yang ingin anda uji.



2. Tekan butang **One Minute+ (Satu Minit+)** sekali untuk memanaskannya selama seminit pada kuasa Tinggi.
   Air mesti hangat dan bekas yang ingin anda uji mestilah sejuk. Jika bekas menjadi hangat, ia menyerap tenaga gelombang mikro dan tidak boleh diterima untuk penggunaan di dalam ketuhar gelombang mikro.

TEKNIK MEMASAK

Disyorkan

Mengacau

Kacau makanan seperti kaserol dan sayuran-sayuran semasa memasak untuk mengagihkan haba secara rata. Makanan di sebelah luar bekas menyerap lebih banyak tenaga dan memanas dengan lebih cepat, jadi kacau dari luar ke bahagian tengah. Ketuhar akan dimatikan apabila anda membuka pintu untuk mengacau makanan anda.

Susunan

Susun makanan yang tidak sama bentuknya, seperti kepingan atau potongan ayam, dengan bahagian yang lebih tebal atau berisi ke arah luar piring putar bagi menerima lebih banyak tenaga gelombang mikro. Untuk mengelakkan terlampau masak, letakkan bahagian yang nipis atau halus di bahagian tengah piring putar.

Melindungi

Lindungi makanan dengan kepingan tidak lebar kerajang aluminium bagi mengelakkan terlampau masak. Bahagian yang perlu dilindungi termasuk hujung kepak ayam itik, hujung kaki ayam itik, dan kesemua sudut bekas pembakar segi empat. Gunakan sedikut kerajang aluminium sahaja. Jumlah yang lebih besar boleh merosakkan ketuhar anda.

Membalikkan

Balikkan makanan separuh masa proses memasak bagi mendedahkan semua bahagian kepada tenaga gelombang mikro. Ini penting terutamanya untuk item besar seperti daging panggang.

Membiarkan

Makanan yang dimasak di dalam ketuhar gelombang mikro membina haba dalaman dan terus dimasak selama beberapa minit selepas ketuhar berhenti. Biarkan makanan bagi menyempurnakan proses memasak, terutamanya makanan seperti daging panggang dan seluruh sayur-sayuran. Daging panggang memerlukan masa ini untuk menyempurnakan pemasakan di bahagian tengah, tanpa bahagian luarnya menjadi terlampau masak. Semua cecair, seperti sup atau minuman coklat panas, harus digoncang atau dikacau apabila pemasakan selesai. Biarkan cecair seketika sebelum menghidangkan. Apabila memanaskan makanan bayi, kacau rata dan uji suhunya sebelum menghidangkan.

Menambah lembapan

Tenaga gelombang mikro tertarik kepada molekul air. Makanan yang tidak rata kandungan lembapannya harus ditutup atau dibiarkan selepas memasak supaya haba tersebar dengan rata. Tambahkan sedikit air kepada makanan kering untuk membantu ia masak.

Petua am

- Makanan tumpat, seperti kentang, mengambil masa yang lebih lama untuk memanas daripada makanan yang lebih ringan. Makanan dengan tekstur yang halus harus dipanaskan pada aras kuasa rendah bagi mengelakkan ia menjadi liat.
- Altitud dan jenis perkakas memasak yang anda gunakan boleh menjejaskan masa memasak. Apabila menggunakan resipi baru, gunakan masa memasak minimum dan periksa makanan sekali-sekala bagi mengelakkan terlampau masak.
- Makanan dengan kulit yang tidak berliang seperti kulit kentang atau hot dog, harus dicucuk untuk mencegah ia daripada pecah.
- Menggoreng dengan minyak atau lemak panas tidak disyorkan. Lemak dan minyak boleh tiba-tiba mendidih dan tumpah dan menyebabkan luka kebakaran yang teruk.
- Sesetengah bahan memanas dengan lebih cepat daripada yang lain. Misalnya, jeli di dalam donat jeli akan menjadi lebih panas daripada dohnya. Ingatlah perkara ini untuk mengelakkan luka kebakaran.
- Pengetinan di rumah di dalam ketuhar gelombang mikro tidak disyorkan kerana semua bakteria yang memudaratkan mungkin tidak dihapuskan oleh proses pemanasan gelombang mikro.
- Walaupun gelombang mikro tidak memanaskan perkakas memasak, haba daripada makanan biasanya dipindahkan ke perkakas memasak. Sentiasa gunakan pemegang periuk apabila mengeluarkan makanan dari ketuhar gelombang mikro dan ajarlah kanak-kanak agar melakukan demikian juga.
- Membuat kandi di dalam ketuhar gelombang mikro tidak disyorkan kerana kandi boleh memanas ke suhu yang sangat tinggi. Ingatlah perkara ini bagi mengelakkan kecederaan.

Auto penderia masak

Auto Penderia membolehkan anda memasak makanan anda secara automatik dengan mengesan jumlah lembapan yang dijana oleh makanan semasa memasak.

- Apabila memasak makanan, banyak jenis lembapan yang terjana. Auto Penderia menentukan masa dan aras kuasa yang betul dengan mengesan lembapan ini dari makanan, jadi ia menyingkirkan keperluan untuk menetapkan masa memasak dan aras kuasa.
- Apabila anda menutup bekas dengan penutupnya atau pembalut plastik semasa proses Penderia Masak, Auto Penderia akan mengesan lembapan yang terjana selepas bekas ditepu dengan wap.
- Sejurus selepas proses memasak tamat, masa memasak yang tinggal akan memulakan kiraannya Ini merupakan masa yang baik bagi anda untuk memusingkan atau mengacau makanan untuk pemasakan yang rata jika perlu.
- Sebelum auto penderia masak, makanan boleh diperisakan dengan herba, rempah atau sos pemerang. Sila ambil perhatian bahawa garam atau gula boleh menyebabkan titik terbakar pada makanan jadi bahan ini harus ditambahkan selepas memasak.
- Pad fungsi Kurang/Lebih digunakan untuk menambah atau mengurangkan masa memasak. Anda harus menggunakan fungsi ini untuk menetapkan tahap masak yang sesuai dengan cita rasa peribadi anda.

MALAY

Perkakas & penutup bagi penderia masak

- Untuk mendapatkan hasil memasak yang baik dengan fungsi ini, ikut arahan bagi memilih bekas dan penutup yang sesuai dalam carta dalam buku ini.
- Sentiasa gunakan bekas selamat gelombang mikro dan tutupnya menggunakan penutupnya atau pembalut plastik. Apabila menggunakan pembalut plastik, lipat ke belakang satu sudut bagi membolehkan wap keluar pada kadar yang betul.
- Sentiasa tutup dengan penutup khas bagi perkakas yang sedang digunakan. Jika perkakas tidak mempunyai penutupnya sendiri, gunakan pembalut plastik.
- Isi bekas sekurang-kurangnya separuh penuh.
- Makanan yang perlu dikacau atau dipusingkan harus dikacau atau dipusingkan di penghujung kitaran proses Penderia Masak, selepas masa memulakan kiraan pada paparan.

Penting

- Anda tidak disyorkan menggunakan ciri auto penderia masak semasa operasi memasak berterusan, misalnya operasi memasak diikuti segera dengan satu lagi.
- Pasang ketuhar di tempat yang mempunyai pengalihudaraan yang baik bagi penyejukan dan aliran udara yang betul dan bagi memastikan penderia beroperasi dengan tepat.
- Untuk mengelakkan hasil yang kurang baik, jangan gunakan Auto penderia apabila suhu persekitaran bilik terlalu tinggi atau terlalu rendah.
- Jangan gunakan sabun pencuci yang meruap untuk membersihkan ketuhar anda. Lembapan yang terhasil daripada sabun pencuci ini boleh menjejaskan penderia.
- Elakkan daripada meletakkan ketuhar berdekatan dengan alat-alat lembapan tinggi atau yang mengeluarkan gas, kerana ini akan mengganggu prestasi Auto Penderia yang betul.
- Sentiasa pastikan bahagian dalam ketuhar bersih. Lap semua tumpahan dengan kain lembap.
- Ketuhar ini direka khas bagi kegunaan di rumah sahaja.

PANDUAN MEMASAK

Panduan memasak daging di dalam ketuhar gelombang mikro anda

- Letakkan daging di atas rak pembakar selamat gelombang mikro di dalam bekas selamat gelombang mikro.
- Mula dengan meletakkan bahagian lemak daging di bawah. Gunakan kepingan tidak lebar kerajang aluminium bagi melindungi hujung tulang atau bahagian daging yang nipis.
- Periksa suhu di beberapa tempat sebelum membiarkan daging masak pada masa yang disyorkan.
- Suhu yang berikut adalah suhu pengeluaran. Suhu makanan akan meningkat semasa ia dimasak.

Makanan	Masa memasak/aras kuasa
Daging lembu panggang tanpa tulang Sehingga 4 paun.	**Masa Memasak:** 10-14 min. / 0,5 kg pada 50 °C – Kurang Masak 11-15 min. / 0,5 kg pada 55 °C – Setengah Masak 12-17 min. / 0,5 kg pada 65 °C – Cukup Masak **Aras Kuasa:** Tinggi(0) pada 5 min. pertama, kemudian Sederhana (5).
	Arahan
	Letakkan daging panggang di atas rak pembakar dengan bahagian lemak di bawah. Tutup dengan kertas lilin. Balikkan selepas separuh masa memasak. Biarkan selama 10 minit.
Daging babi tanpa tulang Sehingga 4 paun.	**Masa Memasak:** 14-18 min. / 0,5 kg pada 70 °C Cukup Masak **Aras Kuasa:** Tinggi(0) pada 5 min. pertama, kemudian Sederhana (5).
	Arahan
